



HUJAN lebat selama dua jam mengakibatkan banjir kilat di Jalan Tun Razak dan kesesakan lalu lintas di kedua-dua hala semalam.
- UTUSAN/IZHAM JAAJAR

SEKUMPULAN pelajar dipindahkan ke kawasan selamat di Jalan Semarak, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Ribuan kenderaan terperangkap dalam kesesakan semasa waktu puncak

Banjir kilat landa Kuala Lumpur

Oleh ZAINAL AZHAR MOHAMED
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Hujan lebat berterusan selama dua jam di ibu negara mengakibatkan beberapa laluan utama mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk selepas dilanda banjir kilat petang ini.

Antara laluan yang terjejas adalah Jalan Tun Razak, Jalan Loke Yew, Jalan Semarak, Jalan Ipoh dan Jalan Kuching. Turut terjejas, se-

kitar Taman Wahyu, Bulatan Dato' Onn berdekatan Bank Rakyat dan sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) Air Panas.

Bagaimanapun, kesemua jalan yang dinaiki air boleh dilalui apabila banjir mulai surut pada pukul 7 petang ini.

Di Jalan Tun Razak, ribuan kenderaan terperangkap dalam kesesakan semasa waktu puncak warga kerja pulang, apabila paras air naik sehingga satu meter berhadapan Perpustakaan Negara.

Hampir 20 buah kenderaan terperangkap dalam banjir itu ketika cuba melalui kawasan yang dinaiki air. Lebih 20 buah kenderaan milik kakitangan di Menara Celcom pula turut mengalami kerosakan selepas air naik sehingga satu meter di kawasan letak kereta berdekatan.

Banjir kilat itu dikatakan melanda kawasan tersebut berikutan paras air di Sungai Bunus naik melebihi paras biasa.

Peningkatan air sungai itu secara mendadak juga mengakibatkan 23

kanak-kanak sebuah taska di Pusat Latihan Telekom Malaysia, Jalan Semarak serta 20 pelajar jurusan diploma di bangunan yang sama, terperangkap.

Menurut guru taska itu, Rodiah Yahya, 28, air sungai naik mendadak sejak pukul 4.15 petang sebelum dia bersama dua lagi guru memindahkan sembilan bayi dan 14 kanak-kanak ke tingkat dua.

"Selepas 15 minit terperangkap dalam banjir setinggi satu setengah meter itu, orang ramai mula tiba

memberi bantuan.

"Kami dikeluarkan dari kawasan banjir dengan bot pelampung Pasukan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)," katanya ketika ditemui hari ini.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, selain kanak-kanak dan bayi, seramai 20 pelajar perempuan jurusan diploma Kolej Multimedia Sdn. Bhd. yang berada di asrama mereka turut terperangkap.